# PRAKATA

Alhamdulillah, Terima kasih kepada rakan-rakan guru dan team sumberpendidikan kerana menyediakan RPT 2024/2025 untuk kegunaan guru-guru di Malaysia.

Muaturun Percuma…

**<u>**DILARANG UNTUK MENGAMBIL SEBARANG BENTUK DAN JENIS KEUNTUNGAN DARIPADA PIHAK KAMI DAN WEB INI SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG.**</u>**



# RANCANGAN TAHUNAN EKONOMI ASAS TINGKATAN 4 – 2024/2025

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| MINGGU 1<br><br>KUMPULAN A<br>10 Mac – 14 Mac 2024<br><br>KUMPULAN B<br>11 Mac – 15 Mac 2024<br><br>MINGGU 2<br><br>KUMPULAN A<br>17 Mac – 21 Mac 2024<br><br>KUMPULAN B<br>18 Mac – 22 Mac 2024<br><br>MINGGU 3<br><br>KUMPULAN A<br>24 Mac – 28 Mac 2024<br><br>KUMPULAN B<br>25 Mac – 29 Mac 2024 | **1.0 PENGENALAN KEPADA EKONOMI**<br><br>**1.1 Konsep kekurangan pilihan dan kos lepas** | 1.1.1 Mentakrif ilmu ekonomi.<br><br>1.1.2 Menjelaskan konsep kekurangan dan pilihan berasaskan sumber ekonomi terhad dan kehendak tidak terhad.<br><br>1.1.3 Mendefinisikan faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.<br><br>1.1.4 Mendefinisikan kos lepas.<br><br>1.1.5 Menganalisis sesuatu situasi untuk menerangkan kos lepas.<br><br>1.1.6 Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh.<br><br>1.1.7 Menganalisis keluk kemungkinan pengeluaran untuk menunjukkan kos lepas. | **Kaedah main peranan**<br>Pelajar berlakon dalam situasi jual beli barang dengan menggunakan sumber yang terhad<br>**(EMK : Bahasa)**<br>**(PAK 21 : Mahir Berkomunikasi)**<br><br>**Kaedah Round Table**<br>Murid diberikan contoh gambar tentang pengeluaran sesuatu barang di kilang.<br>Murid berbincang dalam kumpulan dan membuat pembentangan.<br>**(PAK 21 : Kerja sepasukan, Bersifat ingin tahu)**<br><br>**Kaedah tayangan iklan**<br>Murid menonton satu tayangan iklan tentang jual beli di kantin sekolah.<br>**(EMK : Keusahawanan)**<br>**(PAK 21 : Berdaya tahan, Pemikir, Berprinsip)**<br><br>**Kaedah sumbangsaran**<br>Murid membincangkan implikasi pilihan yang dibuat oleh individu berdasarkan tayangan iklan.<br>**(EMK : Nilai murni)**<br>**(PAK 21 : Pemikir)**<br><br>**Kaedah perbincangan**<br>Murid melukis keluk kemungkinan pengeluaran atas kertas graf berdasarkan jadual.<br>Murid menganalisis keluk kemungkinan pengeluaran.<br><br>Nota:<br>Hukum pulangan bertambah kurang. Murid tidak perlu menunjukkan hukum pulangan malar. |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| MINGGU 4<br><br>KUMPULAN A<br>31 Mac – 4 April 2024<br><br>KUMPULAN B<br>1 April – 5 April 2024<br><br>MINGGU 5<br><br>KUMPULAN A<br>7 April – 11 April 2024<br><br>KUMPULAN B<br>8 April – 12 April 2024 | **1.2 Sistem ekonomi dan penyelesaian masalah asas ekonomi** | 1.2.1 Menghuraikan masalah asas ekonomi iaitu apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan.<br><br>1.2.2 Mengenal pasti ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran<br><br>1.2.3 Membincangkan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi tersebut.<br><br>1.2.4 Menerangkan ciri-ciri utama ekonomi Islam. | **Kaedah Tayangan Video**<br>Murid melihat proses pengeluaran barang sesebuah firma.<br>**(EMK : Keusahawanan)**<br>**(PAK 21 : Bersifat ingin tahu)**<br><br>**Kaedah Three Stray, One Stay**<br>Murid dibahagikan kepada empat kumpulan untuk membincangkan apa , berapa, bagaimana, untuk siapa barang dikeluarkan.<br>Murid membentangkan hasil kumpulan.<br><br>**Kaedah inkuiri penemuan**<br>Murid diberikan situasi ciri berkaitan negara yang mengamalkan sistem pasaran bebas, perancangan pusat dan campuran<br>**(EMK : Patriotisme)**<br>**(PAK 21 : Bersifat ingin tahu)**<br><br>**Kaedah *Gallery Walk***<br>Aktiviti selepas kajian. Murid menampal hasil di dinding selepas perbincangan<br><br>**Kaedah peta i-think**<br>Murid menyenaraikan ciri-ciri sistem ekonomi Islam menggunakan peta bulatan.<br><br>Nota:<br>Ciri-ciri utama dan perbezaan antara sistem ekonomi dari segi pemilikan sumber ekonomi, penentuan harga, pembuat keputusan, pilihan, persaingan dan motif pengeluaran.<br><br>Ciri-ciri utama ekonomi Islam<br>- Sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam<br>- Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat<br>- Wujudnya persaingan yang sihat antara individu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| MINGGU 6<br><br>KUMPULAN A<br>14 April – 18 April 2024<br><br>KUMPULAN B<br>15 April – 19 April 2024<br><br>MINGGU 7<br><br>KUMPULAN A<br>21 April – 25 April 2024<br><br>KUMPULAN B<br>22 April – 26 APRIL 2024<br><br>MINGGU 8<br><br>KUMPULAN A<br>28 April – 2 Mei 2024<br><br>KUMPULAN B<br>29 April – 3 Mei 2024 | **2.0 Pasaran**<br><br>**2 .1 Keseimbangan Pasaran** | 2.1.1 Menjelaskan hukum permintaan.<br><br>2.1.2 Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk permintaan individu dan pasaran.<br><br>2.1.3 Menghuraikan penentu permintaan iaitu harga barang itu, harga barang lain, cita rasa, pendapatan, musim, jangkaan harga masa depan dan dasar kerajaan.<br><br>2.1.4 Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti diminta.<br><br>2.1.5 Menjelaskan dengan gambar rajah penentu permintaan bukan harga menyebabkan perubahan dalam permintaan.<br><br>2.1.6 Menerangkan hukum penawaran.<br><br>2.1.7 Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk penawaran individu dan pasaran. | **Kaedah Role Play**<br>Murid sebagai pengguna (permintaan individu).<br><br>Beberapa orang murid memainkan peranan sebagai pengguna.(permintaan pasaran)<br><br>Murid melukis keluk permintaan individu dan pasaran.<br><br>Murid menerangkan pembentukan keluk permintaan individu dan pasaran berdasarkan gambar rajah<br>**(EMK : Nilai murni)**<br><br>**Kaedah Round Table**<br>Perbincangan bagaimana pelbagai faktor boleh mempengaruhi permintaan dengan menggunakan situasi/keratan akhbar/internet.<br>**(EMK : Sains & Teknologi)**<br><br>Murid melukis gambar rajah untuk menunjukkan hubungan perubahan harga dengan pergerakan di sepanjang keluk permintaan.<br><br>Menggunakan gambar rajah untuk membezakan kesan perubahan harga ( pergerakan sepanjang keluk) dengan peralihan keluk permintaan<br><br>**Kaedah Role Play**<br>Murid sebagai pengeluar (penawaran).<br><br>Beberapa orang murid memainkan peranan sebagai firma.(penawaran pasaran)<br><br>Murid melukis keluk penawaran individu dan pasaran.<br><br>Murid menerangkan pembentukan keluk penawaran individu dan pasaran berdasarkan gambar rajah<br>**(EMK : Kelestarian Alam Sekitar, Keusahawanan)** |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| | | 2.1.8 Menghuraikan penentu penawaran iaitu harga barang itu, harga faktor pengeluaran, cuaca, jangkaan harga masa depan, tingkat teknologi, matlamat pengeluar dan dasar kerajaan. | **Kaedah Round Table**<br>Perbincangan bagaimana pelbagai faktor boleh mempengaruhi penawaran dengan menggunakan situasi/keratan akhbar/internet. |
| | | 2.1.9 Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti ditawar. | Murid melukis gambar rajah untuk menunjukkan hubungan perubahan harga dengan pergerakan di sepanjang keluk penawaran |
| | | 2.1.10 Menjelaskan dengan gambar rajah penentu penawaran bukan harga menyebabkan perubahan dalam penawaran. | Menggunakan gambar rajah untuk membezakan kesan perubahan harga ( pergerakan sepanjang keluk) dengan peralihan keluk penawaran |
| | | | **Kaedah Think Pair Share** |
| | | 2.1.11 Menerangkan konsep keseimbangan pasaran. | Guru memberi satu jadual permintaan dan penawaran, manakala murid diminta melengkapkan jadual tersebut. |
| | | 2.1.12 Melukis rajah keseimbangan pasaran berdasarkan jadual permintaan dan penawaran pasaran. | Murid melukis gambar rajah keseimbangan pasaran berdasarkan hasil perbincangan. |
| | | 2.1.13 Menjelaskan kesan lebihan permintaan atau lebihan penawaran ke atas harga dan kuantiti berdasarkan jadual dan rajah. | Menerangkan keseimbangan pasaran melalui jadual dan gambar rajah<br><br>Menentukan harga dan kuantiti keseimbangan |
| | | 2.1.14 Menganalisis kesan perubahan permintaan atau perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran | Menganalisis kesan perubahan permintaan dan penawaran ke atas harga keseimbangan pasaran, kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan<br><br>Nota:<br><br>Perubahan permintaan dan penawaran tidak berlaku serentak. |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| | | | |
| MINGGU 9<br><br>KUMPULAN A<br>5 Mei – 9 Mei 2024<br><br>KUMPULAN B<br>6 Mei – 10 Mei 2024<br><br>MINGGU 10<br><br>KUMPULAN A<br>12 Mei – 16 Mei 2024<br><br>KUMPULAN B<br>13 Mei – 17 Mei 2024<br><br>MINGGU 11<br><br>19 Mei – 23 Mei 2024<br><br>KUMPULAN B<br>20 Mei – 24 Mei 2024 | 2. . 2 Keanjalan Harga | 2.2.1 Menjelaskan konsep keanjalan harga permintaan dan membuat pengiraan mudah.<br><br>2.2.2 Menjelaskan keanjalan harga permintaan anjal dan keanjalan harga permintaan tak anjal berdasarkan rajah dan pekali keanjalan.<br><br>2.2.3 Menjelaskan penentu keanjalan permintaan.<br><br>2.2.4 Menerangkan hubungan antara perubahan dalam harga permintaan dengan perubahan dalam jumlah hasil bagi keanjalan yang berbeza.<br><br>2.2.5 Menjelaskan konsep keanjalan harga penawaran dan membuat pengiraan mudah.<br><br>2.2.6 Menjelaskan keanjalan harga penawaran anjal dan keanjalan harga penawaran tak anjal melalui gambar rajah.<br><br>2.2.7 Menjelaskan penentu keanjalan penawaran.<br><br>2.2.8 Menganalisis kepentingan keanjalan harga permintaan terhadap perubahan hasil firma dan perbelanjaan pengguna | **Think Pair Share**<br><br>Perbincangan konsep keanjalan harga permintaan dan penawaran serta formula mengira keanjalan permintaan dan penawaran.<br><br>Menggunakan kecerunan keluk dan nilai pekali keanjalan untuk menunjukkan permintaan dan penawaran anjal dan tidak anjal.<br><br>**Kajian kes**<br><br>Perbincangan mengenai penentu keanjalan permintaan dan penawaran berdasarkan pelbagai situasi dalam kehidupan harian<br><br>Nota:<br>Penentu keanjalan permintaan termasuk barang pengganti, darjah kepentingan dan bahagian daripada pendapatan yang dibelanjakan untuk barang dan perkhidmatan tersebut.<br><br>Penentu keanjalan penawaran termasuk perubahan kos pengeluaran dan faktor masa |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| KUMPULAN A<br>26 Mei – 30 Mei 2024<br><br>KUMPULAN B<br>27 Mei – 31 Mei 2024 | **CUTI PENGGAL 1** | | |
| MINGGU 12<br><br>KUMPULAN A<br>2 Jun – 6 Jun 2024<br><br>KUMPULAN B<br>3 Jun – 7 Jun 2024<br><br>MINGGU 13<br><br>KUMPULAN A<br>9 Jun – 13 Jun 2024<br><br>KUMPULAN B<br>10 Jun – 14 Jun 2024<br><br>MINGGU 14<br><br>KUMPULAN A<br>16 Jun – 20 Jun 2024<br><br>KUMPULAN B | 3.1 Wang dan Bank | Murid boleh:<br>3.1.1 Menjelaskan fungsi wang.<br><br>3.1.2 Menjelaskan fungsi bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang, jurubank kepada kerajaan dan jurubank kepada bank perdagangan. | **Simulasi/main peranan** suasana dalam pasar raya dan kaunter pembayaran<br><br>Mencari maklumat menggunakan internet<br><br>TMK dalam p&p-mengakses laman web portal rasmi bank pusat(www.bnm.gov.my) |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
| --- | --- | --- | --- |
| 17 Jun – 21 Jun 2024 | | | |
| MINGGU 15<br><br>KUMPULAN A<br>23 Jun – 27 Jun 2024<br><br>KUMPULAN B<br>24 – 28 Jun 2024<br><br>MINGGU 16<br><br>KUMPULAN A<br>30 Jun – 4 Julai 2024<br><br>KUMPULAN B<br>1 Julai – 5 Julai 2024<br><br>MINGGU 17<br><br>KUMPULAN A<br>7 Julai – 11 Julai 2024<br><br>KUMPULAN B<br>8 Julai – 12 Julai 2024 | | 3.1.3 Menjelaskan fungsi bank perdagangan dalam menerima deposit, memberi pinjaman, menerima dan membuat bayaran dan perkhidmatan lain. | TMK dalam pdp-mengakses laman web portal rasmi beberapa bank perdagangan<br>(www.maybank2u.com)<br>(www.cimbclicks.com.my)<br>(www.hlb.com.my)<br>(www.affinbank.com.my)<br><br>Membuat perbezaan jenis-jenis deposit menggunakan peta pokok (i-think)<br><br>Memaparkan video berkenaan fungsi bank perdagangan memberi pinjaman<br><br>Pelajar diberi tugasan dalam bentuk **Three Stray One Stay**<br><br>Pembentangan kumpulan hasil kerja murid<br><br>Seorang ahli kumpulan tinggal untuk memberi penerangan<br><br>Ahli lain bergerak ke kumpulan lain<br><br>Pelajar diedarkan bahan seperti surat khabar dan brosur untuk mendapatkan maklumat perbankan Islam<br><br>Kaedah **Think Pair Share** digunakan untuk menjelaskan fungsi bank perdagangan dalam membuat dan menerima bayaran serta perkhidmatan lain<br><br>Pelajar diberi situasi dalam membuat penyelesaian pembayaran<br><br>Nota:<br>Fungsi bank pusat mengawal kestabilan ekonomi akan dipelajari dalam Bab Peranan Kerajaan dalam Ekonomi.<br>Termasuk perkhidmatan berasaskan prinsip syariah yang |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| | | | berkaitan dengan deposit, pinjaman dan pelaburan |
| MINGGU 18<br><br>KUMPULAN A<br>14 Julai – 18 Julai 2024<br><br>KUMPULAN B<br>15 Julai – 19 Julai 2024<br><br>MINGGU 19<br><br>KUMPULAN A<br>21 Julai – 25 Julai 2024<br><br>KUMPULAN B<br>22 Julai – 26 Julai 2024<br><br>MINGGU 20<br><br>KUMPULAN A<br>28 Julai – 1 Ogos 2024<br><br>KUMPULAN B<br>29 Julai – 2 Ogos 2024 | 3.2 Pendapatan Individu | Murid boleh:<br>3.2.1 Mengklasifikasikan jenis-jenis pekerjaan mengikut sektor ekonomi<br><br>3.2.2 Menjelaskan kepentingan setiap sektor ekonomi dari segi pekerjaan mengikut *trend* di Malaysia.<br><br>3.2.3 Membincangkan faktor- faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan.<br><br>3.2.4 Menjelaskan jenis-jenis pendapatan individu iaitu upah, sewa, faedah, dividen, untung dan bayaran pindahan.<br><br>3.2.5 Menganalisis kaitan antara pelbagai kerjaya dengan matlamat pendapatan peribadi. | Cadangan aktiviti:<br>Pelajar diedarkan gambar-gambar jenis pekerjaan di Malaysia<br><br>Pelajar menggunakan peta pokok (I-Think) untuk membezakan pekerjaan mengikut sektor ekonomi.<br>Pelajar diberi tugasan menggunakan kaedah **Galery Walk** untuk menjelaskan kepentingan setiap sektor ekonomi berdasarkan pelbagai sumber.<br><br>Pelajar diberi paparan iklan jawatan kosong<br>Pelajar diberi tugasan dalam bentuk **Round Table.**<br>Murid mengeluarkan faktor-faktor pemilihan pekerjaan<br><br>Pelajar diberi contoh aktiviti ekonomi dalam bentuk gambar berdasarkan jenis-jenis pendapatan individu<br>- Ayah pengusaha kilang<br>- Ibu Bekerja<br>- Abang membuat pelaburan<br>- Atuk menyewakan rumah pusaka<br>- Adik mendapat bantuan persekolahan<br><br>Murid mewujudkan strategi untuk mencapai matlamat kerjaya dan pendapatan. (Contoh : melibatkan jangka masa dan kos) |
| MINGGU 21<br><br>KUMPULAN A<br>4 Ogos – 8 Ogos 2024 | | | |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
| --- | --- | --- | --- |
| KUMPULAN B<br>5 Ogos – 9 Ogos 2024 | | | |
| MINGGU 22<br><br>KUMPULAN A<br>11 Ogos – 15 Ogos 2024<br><br>KUMPULAN B<br>12 Ogos – 16 Ogos 2024<br><br>MINGGU 23<br><br>KUMPULAN A<br>18 Ogos – 22 Ogos 2024<br><br>KUMPULAN B<br>19 Ogos – 23 Ogos 2024<br><br>MINGGU 24<br><br>KUMPULAN A<br>25 Ogos – 29 Ogos 2024<br><br>KUMPULAN B<br>26 Ogos – 30 Ogos 2024<br><br>MINGGU 25<br><br>KUMPULAN A | 3.3 Penggunaan Pendapatan Individu | Murid boleh:<br>3.3.1 Menjelaskan konsep pendapatan boleh guna individu.<br><br>3.3.2 Mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib ke atas gaji dari segi tujuan dan kesannya terhadap pendapatan semasa dan pendapatan masa hadapan pekerja.<br><br>3.3.3 Menjelaskan perbezaan antara keperluan dan kehendak.<br><br>3.3.4 Menjelaskan penggunaan pendapatan individu.<br><br>3.3.5 Mengenal pasti dan menjelaskan faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan. | Cadangan aktiviti:<br>**Kajian kes**<br>Murid mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib daripada slip gaji ibu bapa/keluarga.<br><br>Mengumpul dan mengkaji risalah cukai pendapatan, zakat dan KWSP.<br><br>Murid mengira pendapatan boleh guna ibu bapa/penjaga murid berdasarkan contoh yang diberi<br><br>Murid membawa pelbagai jenis gambar barangan penggunaan harian daripada katalog/iklan pasar raya, dan mengklasifikasikan barang keperluan dan barang kehendak<br><br>Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.<br><br>Murid membincangkan kepentingan keperluan dan kehendak dan membentangkan hasil kerja mereka.<br><br>**Kaedah Pembentangan Hasil Sendiri.**<br><br>Murid menganalisis tentang penggunaan pendapatan individu dengan mengaitkan kehidupan harian<br><br>**(TMK) Tayangan video**<br>Iklan produk Go Shop di televisyen.<br>Video gambaran kehidupan golongan berada dan miskin.<br><br>Nota:<br>Faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan seperti pendapatan, harga, barang pengganti, pengiklanan dan |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
| --- | --- | --- | --- |
| 1 September – 5 September 2024<br><br>KUMPULAN B<br>2 September – 6 September 2024<br><br>MINGGU 26<br><br>KUMPULAN A<br>8 Sept – 12 Sept 2024<br><br>KUMPULAN B<br>9 Sept – 13 Sept 2024<br><br>MINGGU 27<br><br>KUMPULAN A<br>22 Sept – 26 Sept 2024<br><br>KUMPULAN B<br>23 Sept – 27 Sept 2024 | | 3.3.6 Mengenal pasti kelebihan dan kekurangan kaedah pembayaran secara tunai atau kredit.<br><br>3.3.7 Menganalisis fitur ekonomi yang terdapat dalam pembelian kredit seperti deposit, kadar faedah, caj kewangan, terma dan syarat dan jumlah perlu bayar<br><br>3.3.8 Menjelaskan konsep belanjawan peribadi.<br><br>3.3.9 Menghasilkan belanjawan peribadi yang merangkumi simpanan, perbelanjaan, derma dan simpanan/ pelaburan yang konsisten dengan matlamat kewangan masing-masing<br><br>3.3.10 Menjelaskan kepentingan belanjawan peribadi. | pemasaran, citarasa dan segmen pasaran.<br><br>Murid mengaplikasi pengetahuan ekonomi, kemahiran menaakul dan inkuiri melalui contoh kontekstual seperti pembelian kereta, pakej percutian pembelian telefon mudah alih dan penggunaan kad kredit.<br><br>**Kaedah perbahasan.**<br>Mengadakan pertandingan perbahasan kelebihan dan kekurangan kaedah pembayaran secara tunai atau kredit.<br><br>**TMK Pembelian Secara Atas Talian**<br><br>Murid menganalisis syarat-syarat pembelian kredit melalui terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat perniagaan seperti Mudah.com dan Lelong.com<br><br>Murid mengisi **borang soal selidik** tentang sumber pendapatan dan perbelanjaan keluarga<br><br>Murid menyediakan belanjawan peribadi mengikut matlamat kewangan masing-masing<br><br>**Gallery Walk**<br>Murid membincangkan kepentingan belanjawan peribadi dan membentangkan hasil perbincangan.<br>(*Peta I Think – Peta buih*) |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| | | 3.3.11 Mengenal pasti dan membandingkan strategi simpanan<br><br>3.3.12 Menerangkan konsep risiko dan pulangan dalam pelaburan.<br><br>3.3.13 Membandingkan tahap risiko, pulangan dan kecairan berkaitan pelbagai jenis pelaburan peribadi | **Melayari laman web** institusi kewangan untuk mendapatkan maklumat mengenai tabungan, pinjaman dan pelaburan<br><br>Murid menjustifikasikan strategi simpanan dengan melayari laman web perbankan Islam dan konvensional<br><br>Mengundang **penceramah** untuk menerangkan konsep risiko dan pulangan pelaburan contohnya Pegawai Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad dan Pegawai koperasi. |
| MINGGU 28<br><br>KUMPULAN A<br>29 Sept – 2 Oktober 2024<br><br>KUMPULAN B<br>30 Sept – 3 Oktober 2024<br><br>MINGGU 29<br><br>KUMPULAN A<br>5 Oktober – 9 Oktober 2024<br><br>KUMPULAN B<br>7 Oktober – 11 Oktober 2024<br><br>MINGGU 30 | 4.0 Pengeluaran<br><br>4.1 Konsep Pengeluaran, kos dan hasil. | Murid boleh:<br>4.1.1 Menjelaskan konsep pengeluaran.<br><br>4.1.2 Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek secara deskriptif dengan menggunakan jadual.<br><br>4.1.3 Menjelaskan kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata.<br><br>4.1.4 Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos purata dan kos marginal berdasarkan jadual.<br><br>4.1.5 Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output.<br><br>4.1.6 Menjelaskan konsep hasil dan untung.<br><br>4.1.7 Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung.<br><br>4.1.8 Mengenal pasti tahap pengeluaran paling cekap. | Nota :<br>Memperkenalkan konsep purata,marginal dan jumlah keluaran dengan menggunakan jadual tanpa melukis keluk<br><br>**Lawatan ke kilang/ladang**<br><br>Aktiviti Perbincangan<br>Murid diminta mengklasifikasikan input tetap dan input berubah dalam pengeluaran yang dibuat oleh kilang/ladang menggunakan peta I Think<br>(contoh: Peta Buih Berganda)<br><br>**Kerja Projek**<br>Murid diminta mengumpul dan mengkaji maklumat tentang input dan kos yang digunakan oleh kilang/ladang pada masa pengeluaran kosong.<br><br>Murid membuat laporan dan membentangkan hasil dapatan projek untuk dibincangkan di dalam kelas.<br><br>Menganalisis data daripada kilang/ladang untuk mengira pelbagai jenis kos dan hasil dalam bentuk jadual dalam |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| KUMPULAN A<br>13 Oktober – 16 Oktober 2024<br><br>KUMPULAN B<br>14 Oktober – 17 Oktober 2024 | | | bentuk **TMK** dan **keusahawanan.**<br><br>Berdasarkan data yang diperoleh dari kilang/ladang, murid boleh mengenal pasti tahap pengeluaran yang paling menguntungkan. |
| MINGGU 31<br><br>KUMPULAN A<br>20 Oktober – 24 Oktober 2024<br><br>KUMPULAN B<br>21 Oktober – 25 Oktober 2024<br><br>MINGGU 32<br><br>KUMPULAN A<br>27 Oktober – 31 Oktober 2024<br><br>KUMPULAN B<br>28 Oktober – 1 November 2024<br><br>MINGGU 33 | 4.2 Produktiviti dan eksternaliti | Murid boleh:<br>4.2.1 Menerangkan konsep produktiviti.<br><br>4.2.2 Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.<br><br>4.2.3 Menerangkan konsep eksternaliti.<br><br>4.2.4 Menjelaskan maksud kos sosial dan faedah sosial.<br><br>4.2.5 Menilai faedah sosial dan kos sosial berdasarkan contoh yang sesuai. | **Rujukan Brosur/Pamplet**<br>Murid menganalisis data statistik yang diperoleh dari Pusat Daya Pengeluaran Negara.<br><br>**Kajian Kes**<br>Murid diminta untuk mengkaji tentang kesan–kesan luaran (faedah sosial dan kos sosial) daripada produktiviti sebuah kilang/ladang.<br><br>Hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk I Think (Peta Buih Berganda)<br><br>**Perbahasan/Forum**<br>Murid mengadakan perbahasan tentang kos sosial dan faedah sosial dari pengeluaran sebuah kilang/ladang<br><br>(**EMK : kelestarian alam sekitar, patriotisme, kreativiti dan inovasi, nilai murni, keusahawanan**) |

| Minggu | Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Cadangan Aktiviti |
|---|---|---|---|
| KUMPULAN A<br>3 November – 7 November 2024<br><br>KUMPULAN B<br>4 November – 8 November 2024 | | | |